

Sinar Harian
Khamis, 28 Sept 2017

INFO

- Lima lonjakan
- Bangunkan pelan induk

SHAH ALAM – Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak menggariskan beberapa inisiatif untuk mentransformasikan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) di negara ini, termasuk membangunkan pelan induk yang komprehensif atau TVET Masterplan.

Beliau berkata, bagi mentransformasikan TVET, tumpuan khusus juga akan diberikan kepada Revolusi Industri 4.0 dalam usaha mewujudkan tenaga buruh yang berdaya saing di peringkat global.

Beliau berkata, bagi menyokong revolusi ini, kerjasama turut diadakan dengan Pusat Pembangunan Kemahiran, politeknik, universiti dan pertubuhan majikan dengan jumlah peruntukan RM75 juta.

Bagi inisiatif kedua, perdana menteri berkata, kerajaan memperuntukkan dana sebanyak RM50 juta daripada 30 peratus dana terkumpul Pembangunan Sumber Manusia Bhd (PSMB) bagi tujuan TVET.

"Untuk makluman semua, PSMB telah memperuntukkan 30

Inisiatif transformasi TVET



Foto: BERNAMA

Najib (dua, kiri) melawat pameran selepas merasmikan Aircraft Maintenance Hanger pada majlis pelancaran pendidikan dan TVET Malaysia, semalam.

peratus daripada levi Kumpulan Wang Pembangunan Sumber Manusia sebagai dana terkumpul atau *pool fund* bagi melaksanakan program-program strategik sebagai satu usaha menyokong pencapaian matlamat nasional dalam meningkatkan taraf peratusan pekerja mahir di Malaysia," katanya ketika melancarkan TVET Malaysia di Pusat Latihan Teknologi Tinggi (ADTEC) Shah Alam, semalam.

Najib berkata, bagi mentransformasikan TVET, tumpuan khusus juga akan diberikan kepada Revolusi Industri 4.0 dalam usaha mewujudkan tenaga buruh yang berdaya saing di peringkat global.

Beliau berkata, bagi menyokong revolusi ini, kerjasama turut diadakan dengan Pusat Pembangunan Kemahiran, politeknik, universiti dan pertubuhan majikan dengan jumlah peruntukan RM75 juta.

Beliau berkata, dalam menuju negara maju berpendapatan tinggi, kerajaan komited dalam menganjak lima lonjakan transformasi TVET termasuk melatih 300,000 rakyat

Malaysia daripada golongan berpendapatan rendah atau B40 bermula sekarang sehingga 2025.

Golongan B40 ini, menurut Najib, turut merangkumi penduduk di luar bandar, masyarakat miskin di bandar, Orang Asli, pelajar lepasan sekolah termasuklah mereka tercicir, ibu tunggal dan pengangguran.

"Kerajaan juga bercadang nak perkenal TVET kepada pelajar-pe-

lajar tahfiz sebagai tambahan kebolehan mereka, di mana selain hafal al-Quran mereka akan mempunyai kemahiran dalam TVET.

"Pada masa sama, mulai sekarang sehingga 2025, kerajaan sedang berusaha melatih dan meningkatkan bilangan tenaga pengajar terlatih dalam bidang TVET, dengan menyasarkan 20,000 orang lagi tenaga pengajar vokasional, sekali gus

boleh menyumbang kepada peningkatan bilangan lulusan TVET.

"Selain itu, tenaga pakar dalam bidang TVET juga akan ditambah bilangannya seramai 4,000 orang lagi dalam pelbagai bidang TVET menjelang tahun 2025," katanya.

Bagi lonjakan kedua, Najib berkata, kerajaan komited perkukuh dan perhebat kerjasama strategik perkongsian awam-swasta atau antara TVET awam serta industri.

"Ketiga, bagi lulusan bidang TVET, peluang kerjaya sebenarnya tidak hanya terhad untuk bekerja di dalam industri, malahan lulusan TVET juga boleh ceburi bidang perniagaan, khususnya technopreneurship atau menjadi usahawan teknikal dalam bidang teknikal.

"Bagi lonjakan keempat, dalam Bajet 2017 kerajaan peruntuk RM20 juta bagi tujuan geran padanan dan yang kelima, menjenamakan institusi TVET di negara ini menjadi TVET Malaysia, di mana melaluinya semua institusi TVET di bawah pelbagai kementerian diseru bergabung tenaga," katanya. - Bernama